



# BULETIN PUSAT ASASI

JAN  
JUN  
EDISI 2020

## LEMBARAN *Baharu* 2020



Program Lawatan  
"1 Pelajar 1 Fakulti"  
tarik minat pelajar

Pelajar cemerlang  
terima anugerah  
"MAKA"

Aktiviti Menarik  
Anjuran  
Pusat Asasi

Tahniah! di atas  
pelantikan

Asasi Perangi  
Covid-19  
#kitajagakita

UiTM *di hatiku*



PUSAT ASASI  
UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Dengkil  
43800 Dengkil  
SELANGOR

# Salam Bicara

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera



Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kehadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, maka e-buletin Pusat Asasi UiTM ini berjaya direalisasikan. E-Buletin ini adalah kelahiran sulung hasil perkongsian idea Unit Korporat Pusat Asasi UiTM ke arah meningkatkan profesionalisme perkhidmatan di Institusi Pengajian Tinggi. Terima kasih tidak terhingga kepada semua ahli jawatankuasa atas usaha, idea dan inisiatif bagi merealisasikan e-buletin ini.

Terima kasih juga kepada semua warga Pusat Asasi UiTM dalam menyumbangkan maklumat dan idea untuk keluaran sulung ini. Dokumentasi adalah bukti yang mencerminkan keupayaan sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, usaha untuk menerbitkan e-buletin adalah antara usaha yang murni untuk menyemarakkan budaya ilmu di kalangan warga seluruhnya. Sebagai seorang yang diamanahkan untuk memacu kegemilangan Pusat Asasi UiTM, saya amat berharap dan menyeru agar budaya kerja berprestasi tinggi akan menjadi amalan seluruh warga.

Semoga kita sentiasa berusaha menjadi seorang warga yang berpersonaliti positif, berfikiran terbuka serta bertanggungjawab dalam memartabatkan perkhidmatan. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan sokongan kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selamat membaca.

**PROFESOR DR. SAIFOLLAH HAJI ABDULLAH**  
**PENAUNG**

## *Sidang Redaksi*

### **Penaung**

Profesor Dr. Saifollah  
Haji Abdullah

### **Ketua Editor**

Rozi Hanum Shaharudin

### **Editor**

Marlizawati Mohamat  
Nor Hisyam Husin  
Nur Aishah Abas  
Fahmi Abdul Sani  
Nur Syakireen Ishak  
Fadhlina Che Arshad

### **Jurugrafik**

Muhammad Hafiz Mohd  
Ariff

## LAWATAN 1 PELAJAR 1 FAKULTI JANUARI - MAC 2020

Pusat Asasi telah mewujudkan program Lawatan 1 Pelajar 1 Fakulti yang bertujuan untuk mempromosikan UiTM kepada pelajar asasi sebagai pilihan untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Disamping itu, ia juga bertujuan untuk menjalin hubungan kerjasama aktiviti-aktiviti kelab dan persatuan pelajar di fakulti dengan pelajar asasi.

Program ini mendapat maklumbalas positif dari pelajar dan dicadangkan agar program ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana banyak memberi pendedahan mengenai kaedah pembelajaran dan pengajaran serta kemudahan dan persekitaran yang terdapat di fakulti yang dilawati. Pusat Asasi amat berbesar hati kerana seluruh fakulti telah memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan program ini.



## MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (MAKA) 4 JANUARI 2020

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) 2019 anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) Pusat Asasi telah diadakan di Hotel UiTM Shah Alam pada 04 Januari 2020 bagi meraikan 79 orang pelajar yang cemerlang di dalam keputusan peperiksaan akhir sesi Jun-Okttober 2019 di mana pelajar-pelajar ini mendapat keputusan CGPA 4.00 (UiTM).

Majlis ini secara tidak langsung dapat memberi lagi tambahan semangat dan motivasi kepada para pelajar dalam meneruskan kecemerlangan akademik selain menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar yang lain. Terdapat juga Anugerah Pelajar Terbaik bagi setiap program dan Anugerah Kepimpinan Akademik Terbaik. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi di mana turut hadir bersama dari barisan pengurusan tertinggi, Ketua-ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Kursus. Para ibu bapa pelajar juga turut dijemput hadir ke majlis ini.



## FESTIVAL UITM PERFORM 7-9 FEBRUARI 2020

Program yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Misi Akademik ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Pelajar Pusat Asasi UiTM tentang Program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di UiTM.



Program ini dimulakan dengan Sesi Sembang Kerjaya pada 7 Februari 2020. Festival UiTM Perform ini terus mendapat perhatian pelajar dengan berlangsungnya sesi pameran yang telah disertai oleh fakulti yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda. Sesi yang bermula pada 8 hingga 9 Februari 2020 telah memberi peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan informasi berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Pembangunan, Prof Ts. Dr. Mohd Fozi Ali pada 8 Februari 2020. Turut hadir Rektor UiTM Cawangan Selangor, Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed, dan Pengarah Pusat Asasi, Profesor Dr. Saifollah Abdullah serta Dekan-dekan Fakulti.



## EXPLORING ENGLISH THROUGH COMMUNITY ENGAGEMENT 12 FEBRUARI 2020

Program ini merupakan inisiatif bersama pihak Pusat Asasi UiTM Dengkil bersama Akademi Pengajian Bahasa dalam melestarikan pengajaran serta pembelajaran Bahasa Inggeris secara komprehensif menerusi penglibatan masyarakat serta komuniti luar .Program selama dua jam ini melibatkan penyertaan serentak 2528 pelajar Pusat Asasi UiTM merangkumi 1578 pelajar Asasi Sains dan 950 pelajar Asasi Kejuruteraan dan 9741 murid sekolah rendah dan 48 pensyarah pengiring di 8 sekolah terpilih di sekitar Putrajaya dan Dengkil. Peranan program ini adalah sebagai satu platform yang ideal bagi pelajar UiTM untuk menyumbang semula kepada masyarakat dengan mengendalikan modul pengajaran sepenuhnya di dalam Bahasa Inggeris berdasarkan pengajaran dan pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan. Melalui program ini, Pusat Asasi telah menerima pengiktirafan yang tercatat dalam Malaysia Book Of Record bagi Penyertaan Pelajar Teramai secara Serentak menerusi Program Aktiviti Bahasa Inggeris atau pun "The Largest Simultaneous Student Participation in an English Activity Programme".



## YOUTH OF DIRE AWARENESS (YODA) 22 FEBRUARI 2020

YODA merupakan satu program anjuran PBSM dan Unit Kesihatan yang berbentuk khidmat masyarakat di Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi. Program ini melibatkan 45 orang pelajar PBSM Pusat Asasi dan 170 pelajar sekolah menengah tersebut. Peranan yang dimainkan oleh pelajar ialah sebagai Pembimbing Rakan Sebaya dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan serta memupuk kesedaran tentang kepentingan pendidikan psikologi seksual remaja dan langkah-langkah pencegahan jangkitan seksual.



## MAJLIS PROMOSI CELCOM AXIATA MALAYSIA OPEN 2020 26 FEBRUARI 2020

Pusat Asasi dengan berbesar hati telah menerima kunjungan daripada pihak Badminton Association of Malaysia (BAM). Turut hadir dalam majlis promosi Kejohanan Celcom Axiata Malaysia Open 2020 ini adalah Juara Kejohanan All England 2003, Muhammad Hafiz Hashim dan S.Kisona yang pernah menjuarai Siri Antarabangsa Terbuka Hellas dan Siri Antarabangsa Sydney tahun lepas. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memeriahkan suasana dan para pelajar Asasi berpeluang mendapatkan tiket percuma ke Kejohanan Celcom Axiata Malaysia Open 2020.



## PROJEK PEMULIAAN BAHAN TERBITAN AL-QURAN 29 FEB 2020 & 1 MAC 2020



Program anjuran Kelab Recital House dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Sepang. ini bertujuan untuk mengumpulkan bahan naskhah al-Quran atau bahan bacaan bercetak mengandungi ayat al-Quran yang lama, lusuh atau terkoyak; yang kemudiannya dilupuskan mengikut cara yang mulia. Sejumlah 2.846 tan bahan terbitan al-Quran telah diterima daripada masyarakat awam dan telah dilupuskan dengan cara yang mulia di PAID Sepang.





## CREATIONS DE UITM: MEGA INNOVATION CARNIVAL 2020

### 6 – 8 MAC 2020

CREATIONS de UiTM: Mega Innovation Carnival 2020 ini berjaya menarik penglibatan ratusan pelajar daripada 40 buah Institut pengajian tinggi dan pelajar sekolah dengan jumlah penglibatan lebih dari 40 buah secara keseluruhan.

Selain pertandingan dan pameran inovasi, karnival ini juga turut melibatkan Hari Terbuka Asasi (Asasi Open Day 2020) yang mempromosikan program-program pengajian Asasi UiTM kepada lepasan SPM 2019 anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik.

Selain itu, program ini turut menarik perhatian para pemamer dari beberapa agensi luar seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Petronas yang turut menjadi penaja bersama. Beberapa agensi luar seperti Jabatan Mufti Selangor turut hadir bagi memeriahkan program inovasi ini. bertemakan 'For Knowledge and Humanity'. Semua anugerah telah disampaikan oleh Rektor UiTM Cawangan Selangor, Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed yang turut sama merasmikan program Creation de UiTM.





## CREATIONS DE UITM: FIESTA DE ASASI 6 – 8 MAC 2020

Pengunjung yang hadir juga tidak terlepas peluang untuk merasai keseronokan Program Fiesta de Asasi anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik kepada orang awam seperti Haunted Mansion Come Back, Upbeat Neon Night Run dan Persembahan Pentarama dari Jabatan Penerangan Malaysia.

Program Fiesta De Asasi ini juga memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan penduduk sekitar dan pelajar Pusat Asasi sendiri dengan menyediakan pelbagai platform perniagaan seperti Food Truck dan Gerai Jualan.

Pejabat Kesihatan Daerah Sepang telah memberi peluang kepada penduduk sekitar untuk membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma dan menderma darah . Tidak ketinggalan juga Pendaftaran Pemilih dari Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Disamping itu juga, program ini mengalakkan budaya hidup yang sihat dimana pelajar dan penduduk boleh menyertai aktiviti larian sekitar Dengkil yang dikenali sebagai Fun Run.





## CREATIONS DE UITM: ASASI OPEN DAY 6 – 8 MAC 2020

Satu lagi program tahunan yang sering dinanti-nantikan termasuklah Asasi Open Day. Program ini memberi peluang kepada para ibu bapa dan bakal pelajar Pusat Asasi UiTM untuk lebih mengenali Pusat Asasi dengan lebih dekat.

Melalui program ini juga, pelajar lepasan SPM berpeluang untuk mendapatkan konsultasi secara bersemuka dengan para pensyarah berkaitan program-program yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM.



## RISE TO LIFT OTHERS 3.0 : "LOVE YOURSELF" 11 MAC 2020

Bertempat di Sekolah Menengah Putrajaya Presint 9 (2), Kumpulan K08 dan K14 dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling telah mengadakan program Rise to Lift Others 3.0 "Love Yourself" Program ini diadakan dengan tujuan untuk memberi kesedaran tentang kesihatan mental kepada pelajar sekolah selain memupuk semangat kerjasama dan kesukarelawanan di kalangan pelajar



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ALUMNI ASASI UITM 14 MAC 2020

Persatuan Alumni Pusat Asasi UiTM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar Pusat Asasi UiTM telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Alumni Asasi UiTM Kali Pertama di Dewan Kuliah Dinamik 4, Pusat Asasi UiTM. Mesyuarat ini telah menyaksikan pelantikan jawatan kuasa baru bagi Persatuan Alumni Pusat Asasi UiTM. Persatuan Alumni Pusat Asasi UiTM telah berdaftar sebagai satu pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Selangor pada bulan Julai tahun lalu. Antara tujuan pertubuhan alumni ini adalah untuk menyatukan bekas graduan dan bekas-bekas pelajar asasi UiTM di seluruh Malaysia.



## LAWATAN PENANDA ARAS DARI DELEGASI PROGRAM PERSEDIAN SAINS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 6 FEBRUARI 2020

Pusat Asasi UiTM telah menerima lawatan penanda aras daripada delegasi Program Persediaan Sains Universiti Malaysia Kelantan yang terdiri daripada Dr. Suganthi A/P Appalasamy dan Cik Emyzrah Binti Othman.



## LAWATAN PENANDA ARAS DARI PEJABAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI UITM 18 FEBRUARI 2020

Pusat Asasi dengan berbesar hati telah menerima lawatan penanda aras dari Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi UiTM. Lawatan ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Aini Jaapar selaku Pengarah PPT bersama 19 orang wakil dari Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi UiTM.

## LAWATAN PENANDA ARAS DARI PUSAT GENIUS@PINTAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 11 MAC 2020

Sekali lagi Pusat Asasi berbesar hati menerima kunjungan daripada pihak Pusat Genius@Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia. Lawatan ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Rorlinda binti Yusof, Pengarah Pusat Genius@Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia bersama lebih kurang 15 delegasi lain.



## SERVICE LEARNING MALAYSIA - UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM)

Program SULAM ini merupakan satu inisiatif terkini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti. UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil telah mengambil inisiatif mengkhususkan permasalahan komuniti Dengkil dengan menggembangkan khidmat mahasiswa sebagai agen perubah. Projek SULAM UiTM Dengkil diketuai oleh Pn. Raisnee Lumbihan yang bertindak sebagai penyelaras bagi aktiviti-aktiviti SULAM.

### ENGLISH ENRICHMENT PROGRAMME FOR ORANG ASLI KIDS 14 JANUARI 2020

Program ini bertujuan membantu dalam menarik minat pelajar – pelajar anak orang asli SK Bukit Tamboi (Asli) Dengkil terhadap Bahasa Inggeris melalui inisiatif didik hibur oleh pelajar Asasi TESL PI020T07 dan turut serta Penasihat Program, En. Irwan Affendi Md Naim.



## PROJEK PERTANIAN ORGANIK BERDASARKAN SISA DAPUR BESETA AMALAN 3R (REUSE, RECYCLE & REDUCE)

Objektif program ini adalah untuk membantu usaha dalam pelupusan sisa dapur di UiTM Dengkil serta memberi kesedaran kepada masyarakat kepadaan pentingan dan faedah 3R dari sisa dapur. Program ini dilaksanakan sepanjang semester 2019/2020 dengan dibawah penyeliaan Puan Malissan Mohamed, Pensyarah Kanan dan disertai pelajar Asasi Sains PI080S07.



## "SMART LEARNING AT EINSTEINS PLAYGROUND FOR INDIGENOUS COMMUNITY" 22 JANUARI 2020

Program ini telah disertai oleh pelajar Asasi Sains PI080S36 di bawah naungan Puan Suhaila Safiai. Ia telah diadakan di SK Bukit Tampoi (Asli) Dengkil bagi membantu meningkatkan prestasi kehadiran pelajar ke sekolah melalui penglibatan di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran "experiential learning" dan "service learning" seterusnya meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.



## "DIFFUSE THE KNOWLEDGE OF PHYSICS IN THE INDIGENOUS COMMUNITY 3.0" 16 MAC 2020

Objektif program adalah untuk membantu menarik minat pelajar anak orang asli di SK Bukit Tampoi (Asli) Dengkil dalam subjek FIZIK melalui inisiatif didik hibur. Program ini telah disertai oleh pelajar Asasi Sains PI080S02 dibawah seliaan Cik Mas Fiza Mustafa selaku penasihat program.



## SUKAN ASASI MALAYSIA (S.A.M) 16 - 19 JANUARI 2020

Pusat Asasi UiTM berjaya muncul Juara Keseluruhan Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2020 yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai tuan rumah bagi edisi ketiga kejohanan pada tahun ini.

13 buah Universiti Awam dan Matrikulasi diseluruh negara terlibat dan sebanyak 7 buah acara dipertandingkan iaitu Olahraga, Futsal, Badminton, Karom, Bola Jaring, Sepak Takraw dan ESport yang menawarkan 27 pingat Emas yang melibatkan penyertaan seramai 700 atlet.

Asasi UiTM berjaya membawa pulang 9 Pingat Emas secara keseluruhan. (Olahraga - 5 pingat Emas, Badminton - 2 Pingat Emas & Futsal Lelaki - 1 Pingat Emas dan Espot FIFA2019 - 1 Pingat Emas). Selain itu, Pusat Asasi juga berjaya memperoleh 5 Pingat Perak dan 8 Pingat Gangsa.



## RUGBY KMS 7S 9 - 10 FEBRUARI 2020

Pusat Asasi UiTM beraksi cemerlang dalam Kejohanan Ragbi KMS 7s yang telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 9 & 10 Februari 2020 di Kolej Matrikulasi Selangor. Pasukan lelaki muncul sebagai johan di peringkat cup U19 bagi acara ragbi 7s dan pasukan wanita pula telah berjaya menjadi johan di peringkat shield bagi acara ragbi sentuh.



## MALAYSIA BOOK OF RECORDS -EXPLORING ENGLISH THROUGH COMMUNITY ENGAGEMENT

### 28 FEBRUARI 2020

Untuk meraikan kejayaan tersebut, satu majlis pengiktirafan telah diadakan di Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor Dengkil pada 28 Februari 2020. Pengiktirafan ini telah disampaikan oleh wakil dari Malaysia Book of Record, Puan Siti Hajar Bt. Johor dan Mrs. Lee Pooi Leng disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi MARA, Yang Berbahagia Professor Dr. Azizan Abdullah serta tetamu-tetamu kehormat lain. Pusat Asasi telah mengukir nama dalam Malaysian Book of Record bagi "Penyertaan pelajar terbesar secara serentak dalam program aktiviti Bahasa Inggeris" (The Largest Simultaneous Students Participation in an English Activity Program).



## KARNIVAL SUKAN STAF UITM (KARISTA) 9 - 16 FEBRUARI 2020

### ACARA PETANQUE

Tahniah Atlet Petanque UCS di atas penerimaan Pingat Gangsa). KARiSTA merupakan acara tahunan universiti yang telah diadakan selama 8 hari di UiTM Cawangan Sarawak. Berikut adalah senarai nama pasukan:

1. Mohd Razi Bin Nekmat (Pengurus Pasukan)
2. Ameer Faizullah Bin Muhammad
3. Muhamad Faiz Bin Abdul Ghafar
4. Mohd Zainuddin Bin Hussin
5. Heryzal Bin Jamari
6. Ahmad Firdaus Bin Ismail
7. Siti Khadijah Binti Mohd Mohari
8. Nurus Syahidah Binti Tahreb
9. Nik Zatihulwani Binti Jamaludin
10. Nurshaza Farah Binti Md Sharif
11. Noorazlina Binti Adnan



### ACARA CATUR

Tahniah Dr. Aisyah Salihah Kamarozaman atas kejayaan di Karnival Sukan Staf 2020 (KARiSTA 2020) apabila beliau telah dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Catur Kategori Wanita dan juga penerima Pingat Emas Catur Berpasukan



## PENGANUGERAHAN SRIKANDI WARGA DAERAH BALING 2020 9 FEBRUARI 2020

Tahniah Dr. Marziah Mokhtar atas Penganugerahan Srikandi Warga Daerah Baling 2020 Beliau yang merupakan anak jati Baling telah terpilih sebagai salah seorang dari 27 orang Srikandi Warga Daerah Baling dalam Majlis Himpunan Anak Malaysia Gemilang : Srikandi Warga Daerah Baling anjuran Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Daerah Cawangan Baling yang telah diadakan di Baling, Kedah



## SEKALUNG TAHNIAH DI ATAS PELANTIKAN



Dr. Khaniza Hasliza Abdul Khalil  
Koordinator Biologi



Dr. Norzilah Musa di atas Koordinator  
Sains Komputer

# *Sekalung Tahniah di atas pelantikan semula*



**Encik Zaidi Bin Yaacob**  
Timbalan Pengarah HEP & ICAN



**Puan Sharifah Shatrah Syed Hamid**  
Ketua Pusat Pengajian Undang-Undang

*dan kenaikan pangkat*



**Encik Mohamed Ali Abd Rahman**  
Timbalan Bendahari (W48)



**Encik Mi Hassan Jamaludin ke  
Kerani Kanan (N22)**

# Sekalung Tahniah

di atas kenaikan pangkat



Puan Najwa Rawaida  
Binti Ahmad @ Ahmad  
Fuzi  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Aishah Binti  
Zarzali Shah  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Noor Safina  
Binti Sulaiman  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Asiah Binti  
Mohamad  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Noorazlina  
Binti Adnan  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Nurul  
Farhana Binti  
Zolkipli  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Raihana  
Binti Mohd Yusof  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Puan Malissa  
Binti Mohamed  
Pensyarah  
Kanan (DM52)



Cik Nhawal Aminie  
Binti Saidon  
Pensyarah Kanan  
(DM52)



Cik Siti Sabrina  
Binti Kasri  
Pensyarah Kanan  
(DM52)

# Sekalung Tahniah

*di atas kenaikan pangkat*



**Puan Siti  
Noorfahana Binti  
Mohd Idris  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Hasnorhafiza  
Binti Husni  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Nurul Huda  
Binti Mohd Noor  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Nor Hafizah  
Binti A. Hamid  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Suhalia Binti  
Safai  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Doreen Dillah  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Syahreena  
Binti Shahrom  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Siti Norida Binti  
Abdul Kadir  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



**Puan Norsyazrah  
Binti Zulkifli  
Pensyarah Kanan  
(DM52)**



Pandemik COVID-19 telah disahkan merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Berikutan peningkatan kes pada Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac sehingga 12 Mei 2020 untuk mengekang pertambahan kes positif dalam negara. Sehubungan dengan itu, pelajar Pusat Asasi tidak dibenarkan balik dan perlu menetap di kolej sehingga PKP tamat.



Bilik gerakan COVID-19 telah diwujudkan seperti di kampus-kampus lain. Bilik gerakan ini adalah bertujuan untuk Jawatankuasa Adhoc Bencana mengumpul maklumat semasa berkenaan COVID-19 setiap hari. Sepanjang tempoh krisis ini, kawalan di Pusat Asasi telah diketuai oleh Insp/PB Mohd Saiful Kamaruzaman sebagai Pegawai Krisis kampus.





Pusat Asasi UiTM juga telah menyediakan makanan percuma sebanyak 3 kali sehari kepada 371 pelajar yang menetap di kolej. Urusan pengagihan makanan adalah diuruskan oleh Pengurusan Kolej yang diketual oleh Pengetua, Encik Mahadi Kamaludin. Pihak Pusat Asasi UiTM juga menerima sumbangan berbentuk makanan, ‘sanitizer’ dan topeng muka daripada orang perseorangan dan juga syarikat.



Pusat Kesihatan yang diketuai oleh Dr. Masyitah Mohd. Locman juga beroperasi seperti biasa dari pukul 8:00 pagi sehingga 5:00 petang setiap hari. Staf Pusat Kesihatan membuat penggiliran untuk hadir bertugas di Pusat Kesihatan Pusat Asasi UiTM. Pusat Kesihatan juga bersedia menerima sekiranya terdapat kes Covid-19. Namun begitu, sepanjang PKP, pelajar-pelajar tiada menunjukkan gejala Covid-19.



Unit Kerjaya & Kaunseling juga menjalankan peranan dengan menawarkan khidmat kaunseling kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Khidmat kaunseling adalah melalui tele kaunseling dan sekiranya perlu, kaunselor akan ke kampus untuk berjumpa dengan pelajar. Terdapat beberapa kes yang melibatkan emosi pelajar yang tidak dapat pulang ke kampung berikut PKP. Namun begitu, emosi pelajar-pelajar ini semakin pulih apabila mereka telah menyesuaikan diri dengan norma yang baharu ini. Selain itu, kaunselor juga telah membuat beberapa risalah dan poster bagi menyampaikan maklumat berkenaan psikologi semasa PKP melalui 'Whatsapp', 'Telegram', 'Facebook' dan laman sesawang Pusat Asasi UiTM.



Online and Distance Learning (ODL) juga telah digunakan bagi proses akademik antara pelajar dan pensyarah. ODL atau pembelajaran terbuka dan jarak jauh ini dilaksanakan bagi memastikan pembelajaran dapat diteruskan walaupun dalam PKP. Pada permulaannya, mungkin agak sukar bagi pelajar dan pensyarah, namun setelah beberapa kali melakukan ODL, pelajar dan pensyarah sudah sebatи dengan cara baharu ini.



Bermula 27 April 2020, pelajar-pelajar di kolej di kesemua Universiti dibenarkan untuk pulang ke kampung masin-masing secara berperingkat. Bermula dengan penghantaran pelajar ke negeri-negeri yang telah diisyiharkan sebagai zon hijau iaitu pelajar-pelajar yang berasal daripada Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.







Pusat  
Asasi

Terbitan  
Unit Korporat  
Pusat Asasi  
UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Dengkil